



TEKS UCAPAN PELUNCURAN

YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI

SEMPENA

**MAJLIS PELUNCURAN
AGENCI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA
(AKPS)**

**2 FEBRUARI 2025 (AHAD)
9.30 PAGI
ANJUNG TINJAU, KLIA SEPANG**

Bismillahirrahmanirrahim,

(Salutasi)

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera.
Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah SWT, kita dapat bersama-sama pada pagi yang bersejarah ini, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sempena Majlis Peluncuran Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), sebuah agensi baharu di bawah Kementerian Dalam Negeri.
2. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada para pegawai dan barisan kepimpinan AKPS dan umumnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang telah memberikan komitmen tidak berbelah bahagi untuk menubuhkan AKPS dan seterusnya menjayakan Majlis pada pagi ini.
3. Ucapan penghargaan juga untuk Kementerian dan Agensi Teras yang telah membentuk fungsi dan operasi AKPS iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang cukup baik untuk merealisasikan hasrat kerajaan ke arah pembentukan sebuah agensi tunggal di pintu-pintu masuk negara. Saya turut merakan jutaan terima kasih kepada **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** kerana usaha untuk merealisasikan penubuhan AKPS dengan jayanya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Era globalisasi yang sedang berada di hadapan kita pada hari ini menuntut semua pihak untuk lebih bersedia dengan keperluan sistem pengurusan sempadan yang lebih mantap dan bersepadu. Pelbagai usaha serta inisiatif telah dirintis oleh kerajaan dalam usaha untuk memastikan Malaysia kekal sebagai negara perdagangan yang berdaya saing dengan penyampaian perkhidmatan di pintu-pintu masuk negara yang cekap dan berintegriti.
5. Penubuhan AKPS menandakan komitmen kerajaan MADANI yang tidak berbelah bahagi untuk mewujudkan rangka kerja kawalan sempadan yang lancar dan cekap. AKPS akan berfungsi sebagai agensi tunggal di sempadan, menyatukan kepakaran dan sumber dari pelbagai jabatan kerajaan untuk menyelaraskan operasi pintu-pintu di seluruh negara, sama ada lapangan terbang, sempadan darat dan pelabuhan.
6. Kajian demi kajian, yang telah bermula sejak November 2018 sehinggalah kepada pembentukan Pasukan Nukleus *Single Border Agency* (SBA) pada Oktober 2021 telah memperlihatkan usaha berterusan Kerajaan untuk menambahbaik ekosistem dan penyampaian perkhidmatan di pintu-pintu masuk negara melalui penubuhan sebuah agensi tunggal.
7. Tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan AKPS ini bukanlah suatu langkah yang mudah. Ia mencabar nilai “TAAT” dan “SETIA” pegawai perkhidmatan awam kepada kehendak dan hasrat kerajaan, untuk setiap agensi serta kementerian yang terlibat,

bergerak ke hadapan, bersama-sama membentuk sebuah Agensi yang akan melaksanakan fungsi perkhidmatan di pintu masuk negara. Cabaran ini membuktikan bahawa perkhidmatan awam yang bersifat *silo* dan bermentaliti *territorial*, mampu diatasi apabila kita meletakkan kepentingan negara mengatasi segala-galanya.

8. Selain itu, usaha mewujudkan AKPS ini mampu melatih para pegawai untuk menyesuaikan diri dengan teknologi dan ekosistem baharu yang menjadi satu lagi cabaran yang perlu ditangani. Dalam kita mengintegrasikan teknologi canggih seperti sistem biometrik dan analitik data, pegawai-pegawai perlu dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan alatan dan sistem berteknologi tinggi dengan berkesan. Program latihan dan pembangunan kompetensi yang berterusan adalah penting untuk memastikan pegawai-pegawai AKPS bersedia dengan tuntutan pengurusan sempadan moden dan berteraskan teknologi terkini.
9. Kita ingin melihat perubahan kepada sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di pintu masuk, proses kerja yang lebih mudah, ringkas. Karenah birokrasi boleh diminimumkan dengan tiada lagi fungsi-fungsi yang bertindih antara agensi. Ini sangat penting agar lapangan terbang dan pintu masuk ke negara kita lebih berdaya saing, memudahkan serta memberikan pengalaman pertama yang mengesankan kepada pelawat yang berkunjung ke negara ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Penubuhan AKPS ditunjangi oleh lima (5) objektif utama. **Pertama** untuk **menyatukan pelbagai fungsi penguatkuasaan sempadan di bawah satu *chain of command***: Sebelum ini, pengurusan sempadan di Malaysia melibatkan pelbagai agensi yang melaksanakan pelbagai fungsi seperti urusan perkastaman, imigresen, kuarantin dan banyak lagi yang sering membawa kepada kekeliruan, pertindihan tugas dan halangan komunikasi. Dengan menyatukan pelbagai fungsi utama secara bersepadu di bawah tanggungjawab sebuah agensi, Malaysia mampu mewujudkan pendekatan yang terselaras untuk pengawalan sempadan yang efektif.

11. **Kedua, bagi memudahkan aktiviti perdagangan dan perjalanan**: Kita menyedari bahawa Malaysia adalah pintu masuk utama ke rantau ini, dan pintu masuk negara kita memainkan peranan penting dalam memudahkan perdagangan dan pelancongan. Dengan memudahkan prosedur dan meminimumkan masa menunggu, perkhidmatan yang kita berikan akan meningkatkan pengalaman yang baik untuk pengembara dan perniagaan. Ini, seterusnya, akan merangsang pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan kedudukan kita sebagai pemain yang berdaya saing di arena global. Sebagai contoh, pengembara yang tiba di sempadan kita perlu melalui lapisan pemeriksaan (*layer of inspection*) berbeza yang diuruskan oleh pelbagai agensi, yang boleh menyebabkan kekeliruan dan kelewatan. Dengan penubuhan AKPS, kita berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih lancar dalam menjalani semua pemeriksaan yang diperlukan, seterusnya mengurangkan masa menunggu serta meningkatkan kepuasan orang awam.

12. **Ketiga**, adalah **memperkukuh aspek keselamatan**: Dalam kita mengalu-alukan pelawat dan barangan dari seluruh dunia, kita juga harus berwaspada dalam menjaga negara kita. AKPS akan melaksanakan teknologi canggih dan amalan perkongsian data untuk memperkukuh rangka kerja keselamatan di setiap inisi sempadan negara. Dengan peningkatan keupayaan untuk mengenal pasti dan mengurangkan potensi ancaman, ini akan memastikan bahawa sempadan kita kekal selamat dan rakyat kita selamat.
13. **Keempat**, untuk **mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan**: Komitmen terhadap perkhidmatan yang cemerlang adalah yang terpenting. AKPS akan mengutamakan latihan dan pembangunan sumber manusia, memastikan mereka serba lengkap, profesional, dan bersedia untuk membantu pelancong dan peniaga. Kita ingin mewujudkan persekitaran mesra yang mencerminkan *Malaysian Hospitality* sambil mengekalkan standard keselamatan pada tahap tertinggi.
14. **Dan Kelima**, sebagai **perlindungan dan keselamatan sempadan negara meliputi domain udara, laut dan darat melalui kolaborasi bersepadu** bersama agensi-agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Saya percaya dengan kolaborasi padu ini akan memperkukuh keselamatan dan kedaulatan sempadan negara Malaysia.

15. Perkembangan teknologi sentiasa dinamik dan berevolusi, selari dengan kepelbagaian bentuk ancaman kepada keselamatan negara. Yang terkini, keperluan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam strategi kawalan sempadan negara yang dilihat sangat kritikal. Penggunaan teknologi AI dalam kawalan pintu masuk dan sempadan melalui sistem dan aplikasi yang terkini secara optimum akan membantu pegawai-pegawai di pintu masuk memantau, menilai, merancang dan menguatkuasakan tindak balas terhadap sebarang bentuk ancaman dan cabaran yang dihadapi. Sebagai contoh, penyelarasan dan analisis data dari kamera litar tertutup (CCTV) dan mesin pengimbas barangan di pintu masuk yang dilengkapi teknologi AI akan mempertingkatkan keupayaan para pegawai dalam membangunkan analisis risiko di pintu masuk. Pendekatan proaktif ini boleh membantu agensi seperti AKPS dalam memintas potensi ancaman sebelum ia berlaku, sekaligus meningkatkan tahap keselamatan secara keseluruhan di pintu masuk dan sempadan negara.
16. Selain itu, data yang dipacu dengan algoritma lanjutan AI, contohnya *facial recognition* dan *intelligent document processing* akan membantu memperkemas proses pemeriksaan orang dan barangan oleh pegawai. Senario ini secara langsung akan memastikan proses pelepasan barangan yang berisiko rendah dapat dipercepatkan. Perkara ini sangat penting bagi meningkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan dan terminal-terminal kargo negara.
17. Berdasarkan analisis data, AKPS juga dapat memastikan perancangan sumber manusia yang optimum dan mengikut keutamaan, bagi memastikan pegawai ditempatkan di kawasan yang kritikal.

18. Kerajaan juga bersedia untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan bagi meneroka kaedah dan penggunaan teknologi dan sistem baharu yang boleh meningkatkan lagi keupayaan pengurusan sempadan negara kita. Kerjasama dengan institusi akademik, rakan kongsi sektor swasta dan penerapan *best practices* dari negara-negara lain adalah penting dalam usaha ini. Dengan memanfaatkan sumber-sumber terbaik, AKPS mampu mendahului ancaman yang bakal muncul dan memastikan sempadan kita teguh dan berdaya tahan.
19. Dalam kita melancarkan inisiatif ini, adalah penting untuk mengiktiraf kepentingannya dalam konteks Pengerusi ASEAN 2025. Malaysia mempunyai sejarah kepimpinan yang membanggakan dalam ASEAN, dan dengan AKPS, penting untuk kita mengesahkan komitmen kita terhadap kerjasama dan integrasi serantau. Dengan meningkatkan keupayaan kawalan sempadan, kita bukan sahaja menjaga kedaulatan malah memudahkan pergerakan supaya lebih lancar merentasi sempadan dalam rantau ASEAN. Ini penting kerana kita berusaha ke arah Asia Tenggara yang lebih terhubung dan makmur. Bukan itu sahaja, pengoperasian AKPS akan lebih mencabar kerana akan melibatkan delegasi-delegasi dari pelbagai negara ASEAN yang datang untuk menyertai persidangan di negara kita.
20. Selain itu, dalam kita membuat persiapan untuk Tahun Melawat Malaysia 2026, AKPS memainkan peranan penting dalam memastikan sempadan kita mesra dan cekap. Kita menjangkakan kemasukan pelancong untuk merasai budaya kita yang kaya, landskap semula jadi yang pelbagai dan layanan mesra yang ditawarkan oleh Malaysia. Dengan memperkemas proses dan

meningkatkan perkhidmatan di pintu masuk, kita akan menjelmakan *'first impression'* yang positif untuk pelawat yang datang ke negara kita.

21. Kejayaan AKPS banyak bergantung kepada kerjasama merentas agensi, kementerian mahupun sektor kerajaan dan swasta. Agensi ini akan bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan dan antarabangsa, kastam, imigresen, pihak berkuasa kesihatan dan rakan kongsi sektor swasta. Bersama-sama, AKPS akan memupuk rangkaian teguh yang menggalakkan perkongsian maklumat dan sinergi operasi, memastikan negara bersedia untuk menangani cabaran landskap global yang dinamik dan berkembang.
22. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa AKPS bukan tanggungjawab agensi kerajaan semata-mata. Ia adalah usaha kolektif melibatkan setiap daripada kita. Saya menyeru semua rakyat Malaysia memainkan peranan aktif dalam keselamatan sempadan. Dengan berwaspada dan melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan, kita boleh menyumbang kepada Malaysia yang lebih selamat. Bersama-sama, kita boleh membina budaya keselamatan dan tanggungjawab yang memberi manfaat kepada komuniti kita.

23. Sebagai penutup, saya teruja dengan impak positif yang bakal dijelmakan oleh AKPS terhadap perkhidmatan di pintu masuk negara kita. Marilah kita melihat masa depan di mana sempadan kita selamat, perkhidmatan kita cekap, dan negara kita terus berkembang maju. Bersama-sama, kita akan memastikan bahawa Malaysia kekal sebagai negara yang selamat, mesra dan makmur untuk semua, di samping mengambil peranan kita sebagai peneraju di ASEAN 2025 dan bersiap sedia untuk kejayaan Tahun Melawat Malaysia 2026.
24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Peluncuran Operasi Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan. Terima kasih atas perhatian semua, dan semoga Malaysia terus makmur.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.